

FUNGSI SENI TARIAN MELAYU DI DALAM PENGIKLANAN MEDIA MASSA
DAN MEDIA ELEKTRONIK

OLEH:

MASTURA BINTI HAJI MOHD JARIT
(89736330)

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Seni Lukis dan Seni Reka, Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Seni Lukis dan Seni Reka:

1. Diperiksa oleh:..... Tarikh:.....
2. Diperiksa oleh:..... Tarikh:.....
3. Diperiksa oleh:..... Tarikh:.....

Diluluskan oleh:..... Tarikh:.....

Ketua kajian

Kajian Seni Lukis dan Seni Reka

Institut Teknologi Mara

Shah Alam Selangor Darul Ehsan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana telah mengizinkan saya bagi menyiapkan tesis yang bertajuk 'Fungsi Seni Tarian Tradisi Melayu di dalam Pengiklanan Media Massa dan Media Elektronik'. Dalam masa menyiapkan tesis ini, saya dapat merasakan bagaimana sukarnya untuk mendapatkan sesuatu bahan serta untuk berjumpa dan menemu-ramah seseorang bagi mendapatkan sesuatu maklumat yang dikehendaki. Tetapi bagi saya kesukaran begini dapat mengajar saya bagaimana hendak menyelesaikan sesuatu masalah. Apabila sesuatu masalah itu timbul dan saya sendiri yang menyelesaikannya, saya mendapat rasa kepuasan yang sebenar.

Dengan itu saya ingin mengambil kesempatan bagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada:

1) Yang Mulia Raja Zahabuddin b. Raja Yaacob, selaku penasihat saya. Dengan pertolongan serta tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau dapat membantu di dalam pengkajian tesis saya ini, supaya ianya dapat dihasilkan dengan sebaik mungkin.

2) Perpustakaan - perpustakaan:

- Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur
- Perpustakaan Negeri Selangor, Shah Alam

SINOPSIS

Tarian dapat dikaji melalui asal - usul tarian itu sendiri, pengaruh serta perkembangannya pada masa lampau. Tarian memiliki caranya yang tersendiri di dalam menonjolkan keindahannya. Setiap penghasilannya adalah melalui matlamat - matlamat yang tertentu. Di dalamnya terkandung pengaruh agama dan tidak kurang juga alam spiritual yang meluas. Begitu juga dengan tarian melayu yang banyak terpengaruh dengan fahaman pelbagai agama dan adat.

Pengkajian seterusnya ditumpukan kepada hubungkait di antara iklan dengan tarian terutamanya di dalam media massa dan media elektronik. Di samping itu seni tradisi melayu yang lain juga boleh mempengaruhi tarian. Di antara seni tradisi tersebut ialah seperti Seni Khat, Seni Muzik dan tidak ketinggalan cara pemakaian.

Ternyata iklan memainkan peranan yang amat penting kepada masyarakat. Melalui tinjauan yang dibuat kita dapat melihat sejauh manakah fungsi tarian dan kebudayaan di dalam menjayakan pengiklanan. Dengan kempen yang dijalankan samada melalui media cetak atau media elektronik, maka terbukti bahawa peranan media ini amat penting.

Jadual Isi Kandungan

	Muka Surat
Daftar Kandungan	i
Halaman Pemeriksaan	ii
Sekapur Sirih	iii
Penghargaan	iv
Sinopsis	v
Daftar Kandungan	vi
Senarai Gambarajah	vii
Senarai Sisipan	1-3
Pengenalan	
(Bab 1) Tarian	4-35
Sejarah Seni Tarian Melayu	4-7
Jenis-jenis Tarian Tradisi Melayu	8-35
(Bab 2) Carta Tarian Tradisi Melayu	36-44
Fungsi Seni Tarian Tradisi Melayu	37
1. Tarian Tradisi Melayu yang berhubung dengan ritual.	37-40
2. Tarian Tradisi Melayu yang terpengaruh dengan unsur-unsur luar.	41-43
3. Tarian Tradisi didalam teater.	44
(Bab 3) Definisi Iklan	
Pengiklanan dan sejarahnya	46-47
Peranan iklan sebagai Alat Komunikasi	48
Bagaimana Pengiklanan dilaksanakan	49-52
(Bab 4) Contoh-contoh iklan yang mengandungi unsur-unsur seni tarian tradisi Melayu	53
1. Iklan nescafe	54
2. Ubat Batuk Cap Ibu dan Anak	57
3. Minyak Cap Bunuh	58
4. Majallah dan akhbar	59-60
(Bab 5) Rumusan	61-66
Bibliografi	67
Lampiran	

PENGENALAN

DEFINISI TARIAN TRADISI MELAYU

Tarian melayu tradisi telah diwarisi sejak masa lampau lagi. Tarian tradisional ini bersangkutan dengan aktiviti masyarakat yang kompleks. Ia merupakan satu bentuk kesenian yang berasal dari kegiatan - kegiatan awal masyarakat primitif yang terdahulu dari kita. Tarian tradisional ini juga terpengaruh dari seni - seni tradisi yang lain. Di antaranya seni kraf, seni muzik dan juga cara pemakaiannya atau lebih dekat lagi fesyen ketika itu.

Pada peringkat permulaan, tarian hanya dijadikan sebagai memenuhi keperluan atau kepentingan kehidupan bagi memohon sesuatu benda atau kemahuan. Sebagai contoh, tarian dijadikan sebagai memulihkan semangat pertanian atau juga sebagai alat pembantu menghalang kuasa - kuasa jahat. Pada peringkat awal boleh dikatakan ianya bersifat spiritual di penuhi dengan kuasa ghaib. Kuasa ghaib ini juga menjadi salah satu dari kepercayaan dan menjadi satu amalan masyarakat primitif. Di dalamnya selalu mengalami pergerakan - pergerakan yang seimbang serta molek di pandang.